

JABATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.06.01/10.12/22Jld. 2 (61)

07 Februari 2022

PEKELILING PELAJAR BIL. 1/2022

ARAHAN PERGERAKAN PELAJAR BERIKUTAN SITUASI COVID-19 UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

Dimaklumkan bahawa berikutan peningkatan kes Covid-19 dalam kampus, Pejabat Kesihatan Daerah Kulai di bawah Akta 1988 Seksyen 18(1) (f) CDC telah mengarahkan penutupan lapan (8) blok di kolej kediaman kampus UTM Johor Bahru yang melibatkan sekatan pergerakan keluar masuk blok **bermula 6 hingga 12 Februari 2022 dan pelepasan sekatan adalah bergantung kepada penilaian risiko oleh Pejabat Kesihatan Daerah Kulai.** Lapan blok yang terlibat adalah Blok S39, S42 dan S43 Kolej Tuanku Canselor, Blok L12 Kolej Tun Hussein Onn, Blok H12, H13 dan H25 Kolej Tun Fatimah dan Blok UB2 Kolej 10. Sehubungan itu, Universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa *Emergency Response Team (ERT)* bertarikh 6 Februari 2022 bersetuju untuk menambah baik pergerakan keluar masuk pelajar dalam kampus.

2.0 Semua pergerakan keluar masuk ke lapan (8) blok yang terlibat adalah **TIDAK DIBENARKAN.**

3.0 Universiti turut menetapkan mekanisma kawalan terhadap pergerakan pelajar di mana kebenaran masuk ke kampus bagi tujuan menginap adalah **DITANGGUHKAN** sehingga tamat tempoh sekatan pergerakan. SEMUA pelajar yang pulang ke kampung dan ingin masuk semula ke kampus bagi hal-hal yang tidak dapat dielakkan adalah diminta menjalani Ujian RTK Saliva sebelum masuk kampus dan terus ke Blok G08 bagi menjalani isolasi selama tujuh (7) hari. Pelajar juga adalah tidak dibenarkan masuk ke blok kolej kediaman masing-masing. Urusan makanan dan minuman sepanjang di Pusat Isolasi adalah di bawah urusan pelajar sendiri.

4.0 Pelajar lain yang berada dalam kampus adalah disarankan untuk terus kekal berada dalam kampus bagi tujuan mengawal sebarang penyebaran kes kecuali bagi kes-kes kecemasan. Sila ambil maklum, sebarang pelanggaran arahan ini boleh dikenakan tindakan disiplin oleh pihak Universiti.


Arahan ini adalah tertakluk kepada perubahan dan arahan dari pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dari semasa ke semasa

Sekian, terima kasih.

“Wawasan Kemakmuran Bersama 2030”

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Shamsul". It is enclosed within a large, roughly drawn oval shape.

(PROF. DR. SHAMSUL BIN SAHIBUDDIN)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Universiti Teknologi Malaysia

b.p. Naib Canselor

✉: shamsul@utm.my

s.k. - Naib Canselor

- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Pendaftar
- Pengarah, Bahagian Keselamatan